

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 17 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7982**

**SOALAN:**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang menyalahgunakan siasatan perintah reman dengan menahan suspek lebih lama daripada yang diperlukan seumpamanya kes guru SJKT, Encik Subbarau dari Seremban yang direman untuk member keterangan kebocoran kertas UPSR di mana kenyataan beliau hanya dirakam pada hari yang keempat selepas tahanan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak PDRM akan menjalankan siasatan jika terdapat aduan dan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya terdapat salah guna kuasa pihak penguatkuasa semasa menjalankan tugas. Berkaitan dakwaan bahawa pihak polis telah menyalahguna perintah tahanan reman untuk menahan suspek lebih lama daripada yang diperlukan semasa dalam siasatan, seperti dalam kes guru SJKT, Encik Subbarau dari Seremban adalah tidak benar. Siasatan pihak polis bukan hanya tertumpu kepada suspek sahaja tetapi lebih meluas bagi mengumpul segala bukti dan mengambil keterangan saksi-saksi lain yang dipercayai mempunyai kaitan dalam kes berkenaan. Sekiranya pihak polis memerlukan lebih masa untuk tujuan siasatan, maka perintah tahanan reman akan dipohon dan atas pertimbangan Majistret untuk meluluskannya. Pihak polis akan merakam keterangan suspek di akhir siasatan setelah segala bukti diperolehi dan keterangan saksi lain telah diambil.**

**Adalah perlu bagi pihak polis mendapatkan keterangan dan bukti-bukti yang kukuh sebagai pembuktian di Mahkamah. Semakin rumit siasatan yang dijalankan, maka ianya akan memakan masa yang lebih panjang untuk diselesaikan. Isu salahguna perintah tahanan reman tidak timbul selagi ianya dilaksanakan mengikut prosedur dan peruntukan undang-undang.**